

Panduan Mengumpulkan Air Kencing 24 Jam

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Doktor anda memerlukan anda untuk mengumpulkan sampel kencing selama 24 jam untuk ujian.

Arahan Penting tentang Simpanan Botol Air Kencing:

- Simpan botol untuk mengumpulkan air kencing di tempat yang sejuk dan kering
- Jauhkan daripada cahaya matahari
- Jangan cuci botol tersebut
- Jangan buang bahan pengawet dalam botol

Sila baca dan ikut cara-cara pengumpulan dengan teliti.

Cara untuk Mengumpulkan Sampel Kencing Anda selama 24 jam:

1. Bila anda bangun pagi, buang air kencing anda ke dalam tandas (jangan kumpulkan air kencing yang pertama). Tuliskan masa di label botol (Contohnya: 8:00 AM).
2. Sepanjang 24 jam berikutnya, kumpulkan semua air kencing anda dengan menggunakan mangkuk geginjal yang disediakan, kemudian tuangkan dengan teliti ke dalam botol pengumpulan anda.
3. Pada keesokan harinya, tepat pada waktu yang anda tulis (Contohnya 8:00 AM), kumpulkan sampel air kencing anda ke dalam mangkuk geginjal dan tuangkan ke dalam botol pengumpulan. Pengumpulan selamat 24 jam telah tamat.
4. Bawa botol air kencing anda di klinik pesakit luar _____ pada tarikh dan waktu temu janji anda.

Peringatan Penting:

Jika anda perlu buang air besar, kumpulkan air kencing anda ke dalam mangkuk geginjal terlebih dahulu untuk mengelakkan pencemaran.

Amaran: Botol ini mengandungi cecair pengawet dan ia mungkin memudaratkan. Jangan buang atau tumpahkan cecair ini.

Sila ikuti arahan di atas dengan teliti kerana ia adalah penting untuk mendapatkan keputusan ujian yang tepat.

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di 6357 7000.

Imbas untuk
menonton
panduan video



<https://for.sg/24-hours-urinecollection-instructions-malay>



Sila imbas kod QR dengan menggunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan maklumat dalam talian atau kunjungi <https://nhghealth.com.sg>
Jabatan Renal Medicine
PECC-REN-ED-2025-2096M-v2

© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2026. Hakcipta terpelihara. Semua maklumat benar pada April 2026. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyalin atau memindahkan mana-mana bahagian dokumen ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Hospital Tan Tock Seng. Semua maklumat dalam dokumen ini merupakan panduan sahaja, dan tidak menggantikan nasihat atau pendapat yang diberikan oleh doktor anda atau ahli profesional kesihatan yang lain.